

#Penjarakanfizikal - Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan

tempoh tamat

70
Hari

11
Jam

22
Minit

ikuti Berita terkini Covid-19

KELUARGA

RIAS

FESYEN

LAIN-LAIN (WANITA)

Siti A'iasah pecah tradisi kemudi Nuklear Malaysia

Oleh [Ahmad Suhael Adnan](#) - Januari 19, 2021 @ 10:57am
ahmad.suhael@bh.com.my



DR Siti A'iasah

KUALA LUMPUR: Meningkatkan pembabitan golongan wanita dalam bidang sains nuklear di negara ini, khususnya di Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia), bakal menjadi cabaran tersendiri buat Dr Siti A'iasah Hashim, yang dilantik mengemudi agensi itu, pada Oktober tahun lalu.

Tanggungjawab menyeimbangkan peranan golongan wanita dan lelaki dalam agensi itu, khususnya di peringkat pembuat keputusan, ternyata terbukti apabila beliau dilantik wanita pertama di negara ini sebagai Ketua Pengarah Nuklear Malaysia.

Ini sekali gus Siti A'iasah berjaya memecah tradisi kepemimpinan ketua pengarah yang selama ini dimonopoli lelaki, sejak penubuhan agensi itu pada 1972.

Walaupun pembabitan wanita sebagai pembuat keputusan di agensi itu belum menyamai pencapaian dalam industri lain, ia tidak bermakna Siti A'iasah perlu bermula daripada sifar kerana peranannya di Nuklear

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 1m **PKP: Perlis benar solat Jumaat di masjid, tetapi bersyarat**
- 1m **Bursa Malaysia dibuka tinggi menjejaki kenaikan Wall Street**
- 8m **Calon peperiksaan gembira, bersemangat ke sekolah**
- 10m **Kubu Hamas dibedil kereta kebal Israel**
- 22m **AS mula rangka dasar luar baharu bawah pentadbiran Biden**
- 27m **Cabaran bikin filem era pandemik**
- 27m **CUEPACS perlu lantang wakili suara ahli**
- 27m **Kerjasama ibu bapa, guru elak keciciran pelajaran**

Malaysia sudah bermula sejak awal penubuhannya.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- Wanita mampu kuasai STEM
- Tenaga nuklear untuk majukan pertanian
- Tiga saintis wanita terima anugerah
- Tak ramai wanita dalam bidang kejuruteraan

Siti A'iasah berkata, antara misi beliau adalah untuk mencungkil lebih ramai wanita diberi peluang sebagai penyelidik, iaitu antara bidang tugas utama di agensi itu.

Katanya, ketika ini jumlah penyelidik wanita di Nuklear Malaysia kini mencecah 45 peratus berbanding penyelidik lelaki, manakala kakitangan wanita secara keseluruhan adalah sekitar 40 peratus berbanding 60 peratus lelaki.

Katanya, sumbangan antara kedua-duanya hampir sama rata dengan penyelidik wanita juga banyak menghasilkan produk dan terbabit dalam pelbagai projek di agensi itu.

Bagaimanapun, beliau menzahirkan kebimbangan susulan penurunan jumlah pelajar yang memilih bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) di universiti, secara tidak langsung bakal menjejaskan kemasukan wanita ke Nuklear Malaysia.

"Secara umum, memang sudah ada ramai pelajar wanita dalam bidang sains dan kejuruteraan di universiti, namun bila masuk ke alam pekerjaan, lelaki yang lebih ramai membina kerjaya dalam bidang ini.



TRENDING



LAIN-LAIN (SUKAN) 44 minit yang lepas
Khabib sanggup tolak tawaran lumayan



KES 4 jam yang lepas
Paip air pecah: 2 kenderaan ditenggelami lumpur, laluan ditutup




KES Jan 19, 2021 @ 9:35pm
Peragut berparang ditahan selepas lapan jam buat jenayah



SELEBRITI Jan 19, 2021 @ 6:00pm
Lebih baik berpisah daripada terus terluka



NASIONAL Jan 18, 2021 @ 5:11pm
Ucapan penuh PM: Pakej Bantuan Khas



Dr Siti A'iasah ketika lawatan kerja ke accelerator system di Wakasa-wan Energy Research.- Foto/Ihsan Nuklear Malaysia

"Perkara ini mungkin berlaku apabila wanita tidak menyerlah ketika sesi temu duga pekerjaan kerana ramai yang terlalu ikut buku, sedangkan kita mahu individu serba boleh, berani mengeluarkan pendapat dan kreatif.

"Ini tidak bermakna wanita tidak kreatif, namun kadang-kadang teragak-agak ketika diminta pendapat dan membuat keputusan, berbanding lelaki.

"Ini cabaran perlu diatasi, iaitu bermula pada peringkat universiti, pelajar wanita perlu dididik supaya lebih berani menyuarakan pendapat, tidak terlalu ikut buku, kreatif dan minat bidang sains," katanya ketika ditemui BH, baru-baru ini.

Siti A'iasah yang memiliki Ijazah Pertama Kejuruteraan (Elektrik), University of New South Wales, Australia, berkata wanita yang memilih bidang sains perlu berani menceburkan diri dalam bidang berbeza daripada dipelajari.

Sebagai contoh, beliau memberanikan diri menyertai Nuklear Malaysia walaupun berlatar belakang kejuruteraan elektrik, dengan peranan pertamanya sebagai jurutera bertanggungjawab terhadap satu mesin penyinaran, yang kebiasaannya dikuasai lelaki, ketika itu.

"Saya beranikan diri menceburi bidang yang saya langsung tiada latihan pada mulanya dan berkhidmat di bahagian penyinaran hampir 20 tahun.

"Ijazah Kedoktoran saya pula dalam bidang Fizik Gunaan (Kawalan Pencemaran Udara). Ia bukan bidang saya, apatah lagi membabitkan fizik dan kimia, iaitu subjek yang saya agak lemah.

"Alhamdulillah, saya berjaya menyelesaikan Ijazah Kedoktoran. Ini yang saya maksudkan kena berani mencari ruang untuk berkembang.

"Jika saya teruskan dengan bidang kejuruteraan elektrik dan operasi penyelenggaraan mesin, mungkin saya tidak berada di kedudukan ini," katanya.

Ditanya kemungkinan golongan wanita bimbang terdedah dengan radioaktif jika berkhidmat di Nuklear Malaysia, Siti A'iasah, mengakui terdapat risiko kesihatan pada wanita mengandung yang bertugas di bahagian penyinaran.

Bagaimanapun, katanya, Nuklear Malaysia menitikberatkan aspek keselamatan kakitangan, dan menyediakan segala langkah perlu untuk memastikan tiada kakitangan, khususnya wanita mengandung, terdedah dengan radioaktif.





Meninjau aktiviti Latihan Kesiapsagaan Keemasan dan Sekuriti di sekitar Nuklear Malaysia

"Antara langkah keselamatan termasuk kakitangan di bahagian sinaran wajib menjalani pemeriksaan kesihatan menyeluruh dua tahun sekali serta sebelum bersara dan menghadiri kursus keselamatan," katanya, memaklumkan rekod pekerja sinaran akan disimpan selama 20 tahun selepas bersara untuk rujukan.

Siti A'iasah berkata, prospek kerjaya sebagai penyelidik di Nuklear Malaysia adalah luas kerana ia meliputi pelbagai bidang kajian.

Beliau berkata, agensi itu tidak hanya menumpukan kepada penyelidikan teknologi nuklear, sebaliknya ia meliputi bidang lain.

"Agensi ini juga menjalankan penyelidikan dalam bidang makanan, pertanian, minyak dan gas serta beberapa industri lain.

"Banyak kebaikan jangka panjang sebagai penyelidik, terutama jika berjaya menghasilkan produk yang boleh dipaten dan dijual ke pasaran. Jika produk dihasilkan berjaya dijual, penyelidik akan terima hasil royalti.

"Antaranya, penyelidik Nuklear Malaysia berjaya hasilkan baja untuk pelbagai jenis tanaman dan baru-baru ini, kita serahkan royalti pertama berjumlah lebih RM200,000.



Dr Siti A'iasah (kanan) menerima watikah Perlantikan Ketua Pengarah Nuklear Malaysia dari Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Oktober 2020.

"Selagi produk itu dijual, ia akan menerima royalti itu. Ini antara motivasi kepada pegawai penyelidik dan boleh dijadikan daya tarikan kepada pelajar untuk masuk ke bidang penyelidikan dan pembangunan berkaitan sains," katanya.

BERITA BERKAITAN





NASIONAL Okt 8, 2020 @ 11:15am
Siti A'iasah dilantik ketua Agensi Nuklear Malaysia



KELUARGA Sep 27, 2017 @ 5:16pm
Tak ramai wanita dalam bidang nuklear



NASIONAL Jul 13, 2020 @ 1:18pm
Nuklear Malaysia tawar latihan kepada industri terjejas COVID-19



LAIN-LAIN (WANITA) Ogs 12, 2017 @ 12:02am
Dr Noor Hasnah pakar nuklear diiktiraf antarabangsa



IKUTI KAMI DI:



- [BERITA](#)
- [BHPLUS](#)
- [Nasional](#)
- [Kes](#)
- [Politik](#)
- [Pendidikan](#)
- [Wilayah](#)

- [SUKAN](#)
- [DUNIA](#)
- [HIBURAN](#)
- [BISNES](#)
- [RENCANA](#)
- [WANITA](#)
- [HUJUNG MINGGU](#)

- [MULTIMEDIA](#)
- [Foto](#)
- [BHTV](#)
- [Infografik](#)

- [LANGGAN](#)
- [Akhbar Digital](#)
- [Akhbar BH](#)

- [PERKHIDMATAN](#)
- [Iklan Web](#)
- [1Klassifieds](#)
- [NSTP KLiK](#)